

# Pilihan raya umum: PM yakin capai kejayaan lebih baik

UM - 9 MAR 2002

SIK 8 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) akan mencapai kejayaan yang lebih baik pada pilihan raya umum akan datang berbanding pencapaian BN pada pilihan raya umum 1999.

“Sekiranya pilihan raya umum diadakan pada bila-bila masa pun, prestasi kita akan lebih baik berbanding pilihan raya umum 1999,” katanya yang juga Pengerusi BN.

Beliau berkata, ini kerana sudah ada kesedaran daripada rakyat sementara ramai yang dahulunya terpisah dengan UMNO telah kembali menyokong UMNO.

“Ini merupakan petanda baik bagi BN,” katanya mengulas mengenai sambutan terhadap majlis mesra bersama pemimpin yang beliau hadiri di padang Majlis Daerah Sik di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, tahun lepas semasa beliau menghadiri majlis seperti ini, sambutan orang ramai agak berkurangan, tetapi kali ini nampak agak luar biasa.

Berucap pada majlis itu, Dr. Mahathir juga yakin BN mampu menawan semula kawasan Parlimen Sik daripada parti pembangkang pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau menambah orang Melayu perlu bersatu di bawah UMNO kerana kalau UMNO lemah, sukar orang Melayu untuk mempertahankan agama dan kedudukan mereka.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, hasutan parti pembangkang terutama Pas telah menyebabkan kedudukan orang Melayu semakin lemah.

Beliau juga mengingatkan bahawa tindakan Pas cuba memburukkan UMNO memberi ruang kepada pihak tertentu yang dengan berani mencahar hak-hak yang dimiliki oleh orang Melayu.

“Pas sebaliknya, tidak sedikit pun berusaha untuk menyatukan umat Islam di negara ini, malah tidak mahu mengiktiraf negara ini negara Islam sekalipun diakui oleh 100 juta umat Islam di luar negara,” katanya lagi.

## Membidas

Beliau juga membidas pemimpin Pas Kelantan yang mendakwa negeri itu adalah Serambi Mekah, sedangkan negeri itu tiada apa-apa kelebihan dan tidak boleh dijadikan contoh mengenai kemajuan umat Islam.

“Jika dibawa orang Arab ke negeri itu pun, mereka tidak percaya negeri itu Serambi Mekah,” katanya.

Sementara itu, Dr. Mahathir juga merasa bangga kerana kini terdapat kecenderungan ketara golongan beliau terhadap UMNO.

Katanya, UMNO memerlukan barisan pelapis yang berkaliber untuk bersedia menjadi pemimpin di masa depan bagi membangunkan negara ini.

“Saya akan dapat pejam mata dengan rapat bila ada orang muda ambil alih untuk meneruskan perjuangan UMNO,” ujarnya.